

1016- PENGAMALAN PELAJAR WANITA ISLAM DALAM FIQH AURAT : SATU KAJIAN DI POLITEKNIK PERLIS, MALAYSIA

KAMSANI BIN MD. SAAD

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

kamsani@ptss.edu.my

ABSTRAK

Aurat dimaksudkan sebagai bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup atau dilindungi dari pandangan. Dari sudut perspektif Islam, aurat wanita adalah amat penting kerana ia memberikan implikasi yang besar kepada kehidupan sehari-hari, identiti, dan imej mereka. Masih ramai dari kalangan wanita Islam yang keliru atau terlepas pandang tentang cara berpakaian sebenar yang dituntut oleh Syarak. Justeru, tahap penerimaan serta pengamalan wanita Islam terhadap pensyariatan menutup aurat telah menarik minat pengkaji untuk mendalami isu ini serta permasalahan yang berkaitan. Sehubungan itu, satu kajian dilakukan bagi mendalami serta menganalisis pemahaman serta pengamalan wanita Islam terhadap pensyariatan menutup aurat yang terdiri dari kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Selain itu kajian ini bermatlamat mengenal pasti tahap pemahaman mereka terhadap 'Fiqh Mahram', kerana ia merupakan satu aspek penting dalam hukum Islam yang mengatur hubungan antara individu-individu yang memiliki ikatan atau pernikahan tertentu. Kajian dijalankan secara kaedah tinjauan (survey method) melalui instrumen soal selidik yang diasaskan kepada item soalan menggunakan skala Likert. Soal selidik diagihkan kepada 380 orang responden dari institusi berkaitan yang terdiri daripada enam buah jabatan akademik dari pelbagai semester pengajian. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science for Windows' versi 14.0 bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap kewajiban menutup aurat adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala pengetahuan menutup aurat dalam ilmu 'Fiqh Mahram' berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya amalan menutup aurat dalam kalangan mereka juga berada pada tahap sangat rendah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pemahaman yang tinggi tentang konsep kewajiban serta tujuan menutup aurat yang dituntut Syarak. Namun pengamalan mereka dalam kehidupan sebenar menunjukkan keputusan sebaliknya. Sehubungan itu pengkaji mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan membantu pelajar mempertingkatkan kesedaran mereka untuk menutup aurat demi memastikan syariat ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin dalam kehidupan sehari-hari.

Kata kunci: Aurat, Fiqh Mahram, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai hukum aurat wanita di dalam Islam bukanlah satu perkara yang baru. Isu ini telah dihuraikan dengan terperinci sejak berkurun-kurun lamanya oleh para ulama menerusi kitab-kitab tafsir, kitab-kitab syarah hadis dan juga kitab-kitab fiqh melalui pelbagai mazhab dan pandangan.

Perkataan 'aurat' berasal dari bahasa Arab disebut sebagai 'al-Aurah'. Menurut Kamus Dewan, perkataan 'aurat' bermaksud bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup (menurut hukum Islam); kemaluan; telanjang. (*Kamus Dewan*). Malah di dalam Al-Quran perkataan 'al-Aurah' telah disebut oleh Allah sebanyak empat kali. Dalam Islam 'aurat' merujuk kepada bahagian tubuh manusia yang harus ditutupi atau disembunyikan dari pandangan orang yang bukan mahram iaitu orang yang tidak memiliki hubungan kekerabatan yang memungkinkan pernikahan. Dari segi hukumnya aurat lelaki dan wanita adalah berbeza dan aurat wanita adalah lebih ketat daripada lelaki. Secara umumnya, aurat wanita meliputi

seluruh tubuh kecuali wajah dan tangan. Ini bermaksud bahawa wanita Muslimah dikehendaki menutup rambut, leher, dada, punggung, kaki dan seluruh tubuh kecuali wajah dan tangan ketika berada di hadapan lelaki yang bukan mahram. Bagi menyempurnakan hal ini, wanita Muslimah dikehendaki mengenakan pakaian yang longgar serta tidak ketat dan tidak menampakkan susuk tubuh badan.

Seorang tokoh ulama yang tersohor dari Indonesia iaitu Profesor Hamka ketika mentafsirkan ayat 31 dari surah an-Nur menerusi Tafsir Al-Azhar, beliau berkata: “*Peringatan kepada perempuan, selain menjaga penglihatan mata dan memelihara kemaluan, ditambah lagi, yaitu janganlah dipertontonkan perhiasan mereka kecuali yang nyata saja. Cincin di jari, muka dan tangan, itulah perhiasan yang nyata. Artinya yang sederhana dan tidak menyolok dan menganjurkan. Kemudian diterangkan pula, bahawa hendaklah selendang (kerudung) yang telah memang tersedia ada di kepala itu ditutupkan kepada dada.*”

PERNYATAAN MASALAH

Ramai dari kalangan wanita Islam agak terkeliru atau terlepas pandang tentang cara berpakaian yang sebenarnya sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam. Terdapat sebahagiannya yang menganggap bahawa asalkan menutup kepala dan rambut dengan tudung maka sudah dikira menunaikan kewajiban mereka di sisi Islam, tanpa menghiraukan bahagian-bahagian anggota badan lain yang dibiarkan terdedah terhadap lelaki yang bukan mahram.

Malah yang ditetapkan oleh Islam adalah wanita Islam diwajibkan menutup kepala dan rambut dengan bertudung sehingga tidak menampakkan sehelai pun rambut, tetapi masih ada yang mendedahkan lengan dan kaki. Terdapat mereka yang bertudung tetapi memakai seluar ketat dan baju sendat sehingga menampakkan bentuk tubuh dan tanpa rasa bersalah mereka keluar ke tempat awam dengan memakai tudung dengan mengenakan baju-T berlengan pendek. Fenomena sebegini telah menjadi satu trend berpakaian bagi para wanita masa kini. Malah aurat wanita Muslimah pada pandangan wanita kafir menurut pandangan majoriti ulama Fiqh adalah seluruh tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan. Manakala menurut pandangan sebahagian ulama mazhab syafie, bahawa aurat wanita muslimah pada pandangan wanita kafir adalah selain kepala, tangan dan kaki.

Persoalan yang timbul ialah walaupun kebanyakan umat Islam tahu mengenai kewajiban menutup aurat, namun masih lagi yang tidak menutup aurat mengikut Syarak. Malah, terdapat pelbagai cara penutupan aurat yang dilakukan. Terdapat juga mereka yang berpakaian menutup aurat yang dikatakan mengikut fesyen dan sesuai dengan peredaran zaman. Keadaan seperti ini seolah-olah memperlihatkan ketidakjelasan atau ketidak fahaman mereka tentang konsep sebanar menutup aurat yang dituntut oleh Islam. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi meninjau persepsi para pelajar di institut pengajian tinggi iaitu di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan pengamalan mereka tentang konsep menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini dijelaskan seperti berikut :

1. Meninjau tahap kefahaman pelajar wanita terhadap tuntutan menutup aurat.
2. Mengesan tahap pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram.
3. Mengenal pasti tahap pengamalan pelajar wanita terhadap kewajiban menutup aurat.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian telah ditemui oleh pengkaji berkaitan isu kajian ini yang berkisar tentang pengetahuan dan pengamalan fiqh aurat dalam kalangan wanita Islam di Malaysia. Antara kajian yang ditemui telah dijalankan oleh Farahwahida Mohd Yusof et. al. (2010) yang mensasarkan kepada 11 orang staf sokongan di kolej kediaman siswi di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Kaedah kajian tersebut ialah secara kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui konsep kewajiban serta tujuan menutup aurat. Namun, responden kurang memberikan maklumbalas yang baik dari sudut pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari.

Sebuah kajian lain yang dilakukan oleh Abdullah Sulong et al. (2010) juga menyentuh isu kesedaran menutup aurat dalam kalangan pelajar wanita Islam di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan deskriptif. Pengumpulan data diperoleh melalui analisis soal selidik yang dijalankan 141 orang responden. Dapatkan kajian terhadap isu kewajiban menutup aurat dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa pengetahuan mereka terhadap perintah menutup aurat berada pada tahap tinggi. Pengamalan menutup aurat dalam kalangan mereka juga berada pada tahap yang tinggi.

Pada tahun 2012, Saadah Ibrahim menjalankan kajian yang bertajuk ‘*Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat di kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Agama di Pekan Daerah Pekan*’. Kaedah yang digunakan juga secara kuantitatif dan data diperolehi melalui soal selidik. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan tuntutan menutup aurat berada pada tahap tinggi. Manakala tahap pengamalan mereka juga berada di tahap yang tinggi. Pengkaji merumuskan dapanan ini berkemungkinan disebabkan semua responden adalah berlatar belakangkan sekolah agama.

Sebuah kajian dilakukan oleh Ahmad Marzuki Mohamad et al. (2017) telah memilih 335 orang pelajar wanita Islam sebagai responden. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi menganalisa data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengamalan mereka mengikut fesyen yang menepati syarak berada di tahap sederhana, manakala tahap kefahaman mereka terhadap tuntutan menutup aurat berada di tahap yang sangat tinggi.

Nur ‘Izzah Jainudin et al. (2018) telah melaksanakan kajian yang berkisar tentang faktor yang mendorong pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan remaja wanita di SMK

Titingan, Tawau, Sabah. Data dianalisis melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menjelaskan bahawa faktor guru dan ibu bapa/penjaga adalah tinggi berbanding faktor diri sendiri dan rakan yang mempengaruhi pengetahuan dan pengamalan mereka terhadap batas aurat.

Kajian terkini yang ditemui pada tahun 2023 menyentuh tentang kefahaman pelajar wanita Islam terhadap kewajiban menutup aurat di Politeknik Mukah, Sarawak. Kajian ini telah dilakukan oleh Fatin Faqeriah Hamsah et al. (2023). Hasil dapatkan melalui analisa deskriptif menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar wanita Islam terhadap kewajiban menutup aurat berada di tahap yang tinggi. Manakala amalan mereka terhadap kewajiban menutup aurat juga berada pada tahap yang tinggi. Melalui analisa inferensi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang sangat kuat antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar wanita Islam terhadap kewajiban menutup aurat.

SASARAN KAJIAN

Kajian ini mensasarkan responden yang terdiri daripada pelajar wanita Islam bagi sesi pengajian 1 2023/2024 (ambilan Ogos) di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Perlis. Melalui kajian ini, populasi keseluruhan pelajar wanita Islam yang berbangsa Melayu ialah seramai 1783 orang. Bagi menentukan jumlah sampel bagi kajian ini, pengkaji menggunakan pakai jadual penentuan sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, berdasarkan jadual tersebut, Jumlah responden yang dilibatkan ialah seramai 380 orang. Jumlah sampel ini sudah menepati jumlah populasi sebenar iaitu 1783 orang yang dilibatkan sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi telah dianalisa melalui perisian ‘SPSS’ (*Statistical Package For Social Science*) versi 16.0 dalam mengemukakan dapatan kajian yang mengikut prosedur-prosedur statistik deskriptif dalam menganalisa skor min.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menganalisa data yang diperolehi melalui responden yang menjawab soal selidik yang berkaitan. Kaedah deskriptif digunakan bagi menjelaskan nilai peratusan, min serta sisihan piawai bagi pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan.

Satu set soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji sebagai instrumen kajian dan ia telah disebarluaskan kepada setiap responden yang disasarkan daripada kalangan pelajar wanita Islam di PTSS. Set soal selidik ini mengandungi dua seksyen utama. Seksyen satu adalah berkaitan dengan demografi responden. Seksyen dua pula melibatkan soalan-soalan yang didasarkan kepada 5 skala Likert. Seksyen ini dibahagikan kepada tiga elemen yang dikaitkan dengan tiga objektif kajian.

Responden dikehendaki menjawab persoalan-persoalan tersebut melalui lima pilihan jawapan daripada skala Likert, iaitu; (1) Amat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju, dan (5) Amat Setuju.

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, sebuah kajian rintis (*pilot-test*) telah dijalankan pada bulan Ogos 2023 terhadap 31 orang responden yang dikecualikan daripada kajian sebenar. Keputusan yang diperolehi melalui analisa ‘Cronbach’s Alpha’ yang

dianalisa melalui perisian ‘SPSS’ (*Statistical Package For Social Science*) versi 16.0 menunjukkan indeks ketekalan terhadap kesemua item yang terkandung dalam soal selidik tersebut berada pada bacaan 0.821 (rujuk jadual 1). Menurut Nunally (1994), nilai ‘Cronbach’s Alpha’ yang melebihi 0.60 menjelaskan bahawa nilai kebolehpercayaan bagi sesuatu item yang dibina adalah tinggi. Sehubungan itu, soal selidik ini telah diperakui kebolehpercayaannya untuk dijalankan dalam kajian sebenar.

Jadual 1: Nilai Cronbach’s Alpha

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	31	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	31	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.821	30

Menurut Babbie (1992), kategori-kategori bagi nilai kebolehpercayaan ‘Cronbach’s Alpha’ adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan ‘Cronbach’s Alpha’

Nilai Cronbach’s Alpha	Penjelasan
0.90-1.00	Sangat Tinggi
0.70-0.89	Tinggi
0.30-0.69	Sederhana
0.00-0.29	Rendah

ANALISA KAJIAN

Seksyen ini akan menganalisa data latar belakang responden yang dianalisis secara deskriptif. Seksyen satu bagi soal selidik ini merupakan bahagian demografi iaitu taburan mengikut jabatan dan taburan mengikut semester pengajian.

Jadual 3: Demografi Responden (Jabatan)

Penilaian	Peratusan
JPH (Jabatan Perlancungan dan Hospitaliti)	30
JRKV (Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual)	10.3
JKE (Jabatan Kejuruteraan Elektrik)	3.4
JKM (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)	2.9
JTMK (Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi)	10.8
JP (Jabatan Perdagangan)	42.6

Jadual 3 menunjukkan data mengikut taburan mengikut jabatan. Daripada 380 orang responden yang terlibat, seramai 114 orang pelajar dari JPH (30%), 39 orang adalah pelajar JRKV (42.6%), 13 orang adalah pelajar JKE (%), 11 orang adalah pelajar JKM (%), 41 orang adalah pelajar JTMK (10.8%) dan 162 orang adalah pelajar JP (0%).

Jadual 4: Demografi Responden (Semester Pengajian)

Penilaian	Peratusan
Semester satu	39.5
Semester dua	4.7
Semester tiga	21.1
Semester empat	8.4
Semester lima	26.3
Semester enam	0

Jadual 4 menunjukkan analisa demografi semester pengajian bagi responden. Daripada 380 orang responden yang terlibat, seramai 150 orang pelajar dari semester satu (39.5%),18 orang adalah pelajar semester dua (4.7%), 80 orang adalah pelajar semester tiga (21.1%), 32 orang adalah pelajar semester empat (8.4%), 100 orang adalah pelajar semester lima (26.3%) dan tiada pelajar dari semester enam (0%).

Seksyen dua bagi soal selidik ini adalah merupakan bahagian yang terpenting untuk menganalisa data secara statistik melalui maklum balas yang diterima oleh 380 orang responden bagi menjawab tiga persoalan kajian ini yang diuraikan sebagaimana keterangan berikut:

Meninjau tahap kefahaman pelajar wanita terhadap tuntutan menutup aurat.

Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisa berpandukan kepada jadual skor min Nunally dan Bernstein (1994) adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual 5.

Jadual 5: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Nunally dan Bernstein (1994)

Jadual 6 : Analisa skor min bagi tahap kefahaman pelajar wanita terhadap tuntutan menutup aurat

Min keseluruhan = 3.7621

Statistics		
Kefahaman_Aurat		
N	Valid	380
	Missing	3
Mean		3.7621
Median		3.8000
Mode		3.80

Jadual 6 menerangkan analisa data berdasarkan skor min bagi tahap kefahaman pelajar wanita terhadap tuntutan menutup aurat.

Dapatkan bagi keseluruhan skor min yang diperolehi iaitu 3.7621. Ini menunjukkan bahawa kefahaman pelajar wanita terhadap tuntutan menutup aurat berada pada tahap yang tinggi.

Mengesan tahap pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram

Jadual 7: Analisa skor min bagi tahap pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram

Min keseluruhan = 3.2955

Statistics		
Kefahaman_Mahram		
N	Valid	380
	Missing	3
Mean		3.2955
Median		3.2000
Mode		3.00

Jadual 7 menjelaskan analisa data berdasarkan skor min bagi tahap pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram

Dapatkan bagi keseluruhan skor min yang diperolehi iaitu 3.2955. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram berada pada tahap yang sederhana.

Mengenal pasti tahap pengamalan pelajar wanita terhadap kewajiban menutup aurat.

Jadual 8: Analisa mengikut skor min bagi tahap pengamalan pelajar wanita terhadap kewajiban menutup aurat

$$\text{Min keseluruhan} = 1.7395$$

Statistics

Pengamalan_Aurat		
N	Valid	380
	Missing	3
Mean		1.7395
Median		1.5000
Mode		1.00

Jadual 8 menjelaskan analisa data berdasarkan skor min bagi tahap pengamalan pelajar wanita terhadap kewajiban menutup aurat

Dapatkan bagi keseluruhan skor min yang diperolehi ialah 1.7395. Ini memberikan keputusan terhadap pengamalan pelajar wanita dalam kewajiban menutup aurat menunjukkan tahap yang sangat rendah.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara amnya aurat wanita terhadap lelaki mahramnya ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut. Ini bererti mereka harus mendedahkan seluruh anggota badannya yang lain di hadapan mahramnya dengan syarat terhindar daripada berlakunya fitnah. Jika ada kemungkinan berlaku fitnah hukumnya tetap haram. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT. dalam surah an-Nur ayat 3 yang bermaksud, *“Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, bapa mereka, bapa mertua mereka, anak-anak mereka, anak-anak tiri mereka, saudara-saudara mereka, anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam.”*

Berdasarkan dapatan Analisa menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep menutup aurat berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min melebihi 3.41. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Asmawati Suhid et al. (2013) yang bertajuk *“Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum”*. Rumusannya ialah apabila seorang individu mengetahui sesuatu hukum dan melaksanakannya, mereka akan mempunyai kefahaman yang tinggi berbanding dengan individu yang hanya mengetahui tetapi tidak mengamalkannya. Pelajar didapati amat tahu dan faham tentang aurat wanita yang perlu ditutup dan dipelihara.

Pelajar-pelajar tersebut memiliki pengetahuan yang tinggi tentang kewajiban menutup aurat sebagai satu tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka juga mengetahui kewajiban menutup aurat bagi setiap wanita Islam bermula sejak umurnya 7 tahun. Malah mereka juga tahu batasan aurat seorang wanita Islam dengan wanita Islam lain adalah di antara pusat dan lutut. Pengetahuan mereka juga tinggi dalam hal itu menutup seluruh kaki diwajibkan ke atas wanita di dalam solat dan di hadapan lelaki bukan mahram. Batasan aurat seorang wanita Islam dengan wanita bukan Islam adalah di antara pusat dan lutut juga diketahui dengan keilmuan yang tinggi. Pengkaji merumuskan bahawa pelajar wanita menerusi kajian ini menyedari bahawa menutup aurat adalah merupakan perintah Allah SWT. dan menutup aurat adalah wajib bagi setiap individu muslim yang telah baligh.

Objektif kedua kajian ini iaitu mengesan tahap pengetahuan pelajar wanita terhadap mahram dan bukan mahram yang menunjukkan pengetahuan mereka berada di tahap yang sederhana. Secara asasnya masih ramai pelajar yang tidak mengetahui bahawa sepupu lelaki dan abang ipar adalah bukan mahram. Tidak kurang ramai juga yang masih tidak mengetahui bahawa abang tiri adalah bukan mahram. Oleh kerana lelaki tersebut tidak termasuk mahram, maka batas aurat bagi wanita adalah semua anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Berhubung perkara ini, di peringkat awalnya pendedahan mengenai batas aurat sesama mahram dan bukan mahram perlu diterangkan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya sejak mereka masih kecil lagi agar disiplin kehidupan yang digarap oleh Islam dapat ditaati oleh anak-anak secara lebih konsisten.

Objektif ketiga bagi kajian ini iaitu mengenal pasti tahap pengamalan pelajar wanita terhadap kewajiban menutup aurat menunjukkan keputusan yang amat membimbangkan kerana tahap kesedaran pelajar dalam hal ini menunjukkan keputusan yang amat rendah . Majoriti pelajar menganggap pengamalan menutup aurat dalam kehidupan seharian adalah tidak penting bagi mereka sebagaimana yang dituntut oleh syarak. Namun, realiti yang berlaku dalam kalangan pelajar tersebut yang masih di usia remaja adalah mendukacitakan, kerana pengetahuan mereka terhadap kewajiban menutup aurat adalah tinggi tetapi mereka tidak pula melaksanakannya dalam kehidupan sebenar dengan memberikan pelbagai alasan. Mereka wajar mengikut peraturan atau hukum menutup aurat yang tidak sepatutnya dipandang ringan kerana hal ini juga mampu menjaskan amalan ibadah yang lainnya.

Adalah sewajarnya pendedahan terhadap batas aurat perlu diperincikan oleh ibu bapa kepada ahli keluarga khususnya anak-anak sejak dari zaman sekolah lagi dengan tanpa rasa malu, agar disiplin kehidupan yang digarap oleh Islam dapat ditaati oleh mereka. Apabila anak-anak ini sudah meningkat remaja di awal usia belasan dan awal 20-an, sebahagiannya akan terpengaruh dengan arus fesyen masa kini lebih-lebih lagi pelajar di institusi pengajian tinggi. Dalam keghairahan mereka membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan berfesyen mengikut arus zaman moden, terdapat sebahagian besar yang terlupa tentang batasan berpakaian bagi Muslimah. Walaupun terdapat kod etika berpakaian yang telah digariskan oleh pihak pentadbiran pengajian tinggi, namun masih ramai dari kalangan mereka yang melanggar peraturan tersebut terutamanya setelah mereka berada di luar kampus dan kembali ke pangkuhan keluarga.

Sehubungan itu, pengkaji merumuskan bahawa para pelajar wanita tersebut perlu diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh para pensyarah pengajian Islam secara berterusan di

samping menjelaskan lebih mendalam tentang isu mahram dan bukan mahram semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Begitu juga isu pendedahan batas aurat adalah perlu diperincikan oleh pensyarah ketika pengajaran berlaku. Malah penegasan terhadap hukum syarak dalam mengamalkan aurat perlu ditekankan kepada pelajar secara berhikmah, di samping menjelaskan kemudaratannya yang bakal menimpa sekiranya ia tidak dipatuhi.

PENUTUP

Etika sosial Islam menekankan penjagaan aurat dan didikan menjaga maruah diri bagi menyelamatkan sebarang malapetaka keterlanjuran berkaitan isu seksual yang berlaku. Berleluasanya kes sumbang mahram yang melibatkan perilaku-perilaku seperti '*haruan makan anak*', seks, liwat, gangguan seksual dan pelbagai lagi perlakuan di luar tabi'e yang menjijikkan itu seolah-olah menunjukkan bahawa perbuatan tersebut sudah menjadi kebiasaan sehingga tiada lagi perasaan gerun, malu, marah, simpati dan takut dalam kalangan masyarakat Islam masa kini. Kes-kes ini sedikit sebanyak berpunca daripada pendedahan aurat, gaya pemakaian dan pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram tidak mengikut syarak.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri
- Abdullah Sulong & Norliza Ahmad. (2010). *Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Marzuki Mohamad & Noor Betty Azura Muhamad Radzi Fakulti Pendidikan (2017). *Persepsi Pelajar Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini Dan Tuntutan Menutup Aurat*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad, Mohd Aderi Che Noh (2013). *Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum*. *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, vol. 1 issue 1. Penerbit Universiti Malaya
- Baharudin Othman, Nordin Bayadi & Mohd Bahrin Haji Sidek (2002). *Aurat Dalam Islam. Unit Ukhwah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor*
- Babbie, E. (1992). *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth.
- Farahwahida Mohd Yusof & Nur Afzan Muhamad (2010). *Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Fatin Faqeriah Hamsah, Farah Hanan Abu Bakar & Lezawati Seron (2023). *Kefahaman Pelajar Muslimah Terhadap Kewajiban Menutup Aurat di Politeknik Mukah*. *Jurnal Ulwan*. Vol 8, No 1. Universiti Melaka.
- Hamka (2015). *Tafsir Al-Azhar*, Jakarta: Gema Insani.
- Irsyad Fatwa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Aurat Antara Muslimah dan Wanita Bukan Islam*. (secara dalam talian)
<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1866-irsyad-al-fatwa>

- ke-141-aurat-antara-muslimah-dan-wanita-bukan-muslim (Diperolehi pada 16 oktober 2023)
- Jaafar Salleh (2006). Batas-Batas Aurat & Pergaulan Serta Hukum Persolekan Dalam Islam. Johor Bahru : Pustaka Azhar
- Kamus Dewan. (Edisi ke-4). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970), Determining Sampel Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan : Soal Selidik Pendidikan. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). Psychometric Theory, 3rd edn, 1994. McGraw-Hill, New York, 3, 701.
- Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail (2018). Faktor Pengetahuan Batas Aurat Dan Pergaulan Remaja Wanita SMK Titingan, Sabah. Jurnal Hadhari 10 (2) (2018) 141-158 . Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Saadah Ibrahim (2012). Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat di kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Agama di Pekan Daerah Pekan. Penerbit Open Universiti Malaysia
- Shofian Ahmad & Lotfiah Zainal Abidin (2004). Aurat : Kod Pakaian Islam. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.